

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI**  
**[KUALA NERUS]**  
**TARIKH : 11 NOVEMBER 2019 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 16**

**Y.B. DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [ KUALA NERUS ]**  
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah terkini hutang dan liabiliti Kerajaan serta nilai bon dan sukuk yang diterbitkan oleh Kerajaan dari Jun 2018 hingga Jun 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga akhir-Jun 2019, **hutang langsung Kerajaan Persekutuan** adalah **RM799.1 bilion** atau **52.7%** daripada KDNK, berbanding RM725.2 bilion atau 50.1% daripada KDNK pada akhir-Jun 2018. Bagi tempoh Julai 2018 sehingga Jun 2019, Kerajaan telah membuat pinjaman kasar sebanyak RM138.8 bilion yang mana RM68.8 bilion merupakan terbitan Terbitan Pelaburan Kerajaan (MGII), RM49.5 bilion terbitan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), RM13 bilion terbitan Bil Perbendaharaan dan RM7.5 bilion terbitan luar pesisir meliputi bon Samurai dan pinjaman projek.

Selain hutang langsung, Kerajaan juga mempunyai **komitmen jaminan yang perlu ditanggung dan dibiayai Kerajaan** yang terdiri daripada tanggungan hutang sebahagian syarikat berkaitan Kerajaan yang menerima Jaminan Kerajaan bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan awam dan utiliti. Di samping itu, Kerajaan juga menanggung **hutang syarikat 1MDB** serta **liabiliti lain** seperti bayaran pajakan kewangan (*finance lease*) bagi tempoh 2018 - 2047 ke atas projek yang dilaksanakan secara *Public-Private Partnership* (PPP) di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), projek yang dilaksanakan secara *off-budget* melalui inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan Pembinaan BLT Sdn Bhd di bawah Kementerian Kewangan. Bayaran *finance lease* ini adalah berdasarkan perjanjian konsesi yang ditandatangani melibatkan obligasi tunai Kerajaan sehingga tahun 2047. Secara keseluruhannya, **jumlah keseluruhan komitmen hutang dan liabiliti Kerajaan** dianggarkan berjumlah **RM1.1 trillion**.